

28/07/2005

ABDULLAH-AFRIKA

PUJIAN KEPADA ABDULLAH KERANA TANGANI ISU AP DI LUAR NEGARA

Oleh: Salbiah Said

PRETORIA (Afrika Selatan), 28 Julai (Bernama) -- Sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melakukan yang terbaik apabila beliau menangani isu Permit Import (AP) kenderaan tanpa cuba mengelaknya.

Memang benar itu adalah isu tempatan, tetapi Abdullah memperlihatkan bahawa beliau masih bertanggungjawab walaupun berada di luar negara selama tiga hari, bagi memenuhi tugas diplomatiknya dalam menjalin dan mempereratkan hubungan baik dengan Afrika Selatan, kata para pemerhati.

Pada akhir lawatan rasminya selama tiga hari ke Afrika Selatan, beliau memberikan kepada pihak media Malaysia dan orang ramai apa yang mereka harapkan daripada pentadbirannya: ketelusan.

Pada satu sidang akhbar, beliau mengarahkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang menjadi tumpuan kontroversi, untuk mengumumkan senarai penuh pemegang AP untuk mengelakkan persepsi negatif orang ramai.

"Ok, siarkan semua, siarkan semua. Tak perlu simpan-simpan. Kenapa nak simpan. Kalau dengan menyimpannya kita mencetuskan anggapan negatif, itu tidak betul, itu salah," katanya bagi menjawab dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang kini penasihat Proton bahawa Rafidah tidak mengumumkan senarai penuh pemegang AP itu.

Di Kuala Lumpur, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) memberi tindak balas segera dengan mengeluarkan senarai penuh pemegang AP 2004.

Para pemerhati juga memuji pendekatan tegas dan terus terang Perdana Menteri dalam menangani isu berkenaan.

Abdullah berkata beliau tidak berniat untuk tidak menyiarkan apa yang telah diketahui umum.

"Senarai itu yang terbaru hingga 2005 dan orang ramai sudah melihatnya. Jika ada apa-apa yang tertinggal secara tidak sengaja, kita akan umumkannya. Tetapi, Rafidah lebih sesuai (menjelaskannya). Saya sudah beri dan siarkan senarai itu pada hari tersebut," katanya.

Pada 21 Julai, Abdullah berkata kerajaan mengambil keputusan untuk mengumumkan senarai pemegang AP bagi menamatkan spekulasi mengenai isu itu. Beliau, bagaimanapun, berkata sesetengah orang mungkin masih bimbang, walaupun kerajaan mengambil keputusan mengumumkannya.

"Kita mengambil keputusan untuk mengumumkan nama-nama itu kerana terlalu banyak spekulasi dibuat. Banyak cerita yang timbul, dan banyak yang tidak betul," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Malah, reaksinya terhadap keputusan oleh Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) untuk tidak memperbaharui kontrak Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tengku Mahaleel Ariff, memperlihatkan kematangan Abdullah dalam menangani politik dalaman Malaysia, kata pemerhati.

Abdullah memberitahu pemberita di sini pada Rabu bahawa penjelasan mengenai perkara itu seharusnya dibuat oleh lembaga pengarah Proton.

"Mereka tahu jawabannya. Saya akan berikan lembaga pengarah faedah kesangsian. Pihak lembaga mesti bertindak bagi kepentingan Proton sebagai pembuat kereta nasional. Mereka mesti fikirkan kepentingan kereta nasional," kata Perdana Menteri.

"Mereka mesti pastikan Proton capai kemajuan. Itulah yang saya mahu lihat. Perincian mengenai pengurusan merupakan perkara yang mereka

putusan. Biarlah mereka membuat keputusan terbaik."

Bagi Abdullah, lawatannya ke Afrika Selatan itu berhasil dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi hubungan dua hala.

Lawatan atas jemputan Presiden Thabo Mbeki itu merupakan kunjungannya yang pertama ke Afrika Selatan sejak beliau mengambil alih teraju pemerintahan daripada Tun Dr Mahathir pada Oktober 2003.

Antara Malaysia dan Afrika Selatan sememangnya telah wujud hubungan dua hala yang kukuh, dengan kedua-dua negara memainkan peranan cergas dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Kumpulan 77, dan kedua-duanya adalah anggota Negara-Negara Komanwel.

Pada sidang akhbar itu, Abdullah berkata beliau berpuas hati dengan hasil lawatannya kerana beliau dan juga pemimpin Afrika Selatan itu mempunyai tanggungjawab untuk mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Antara ukuran kejayaan lawatannya ialah penubuhan sebuah jawatankuasa perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara. Jawatankuasa itu dijangka mengadakan mesyuarat pertamanya di Kuala Lumpur menjelang akhir tahun ini.

Pembentukan jawatankuasa perdagangan dan pelaburan Malaysia-Afrika Selatan itu merupakan pendekatan pantas.

Abdullah mencapai satu lagi kejayaan semasa lawatannya ini apabila beliau menjawab soalan-soalan yang diajukan kepadanya pada forum perniagaan Malaysia-Afrika Selatan semalam dengan penuh keyakinan, tetapi pada masa yang sama tetap mengekalkan pendekatan mesranya.

"Kita mesti bergaul, bertukar-tukar kad (perniagaan) dan cari banyak untung," katanya secara berseloroh sebelum mengakhiri sesi pada forum itu, disambut dengan tepukan dan ketawa oleh seramai 500 orang dari masyarakat perniagaan Malaysia dan Afrika Selatan.

Soalan-soalan itu berkisar sekitar dasar-dasar kerajaan untuk menaikkan taraf orang Melayu, pembangunan sumber manusia, kerjasama Selatan-Selatan, pemansuhan tambatan ringgit berbanding dolar AS, pelancongan dan isu-isu berkaitan perdagangan.

Mengenai kerjasama Selatan-Selatan, beliau berkata inisiatif yang diterajui Dr Mahathir 10 tahun lalu itu masih mengisi kedudukan tertinggi dalam agenda Malaysia walaupun kini beliau yang menjadi Pengerusi NAM dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Pastinya tidak kurang pentingnya hari ini daripada sebelumnya," kata Abdullah, sambil menyebut sebagai contoh Dialog Langkawi yang memupuk kerjasama Selatan-Selatan melalui perkongsian pintar serta menggalakkan hubungan dan projek di kalangan negara-negara anggota.

Menyentuh tentang keputusan Malaysia untuk menggantikan rejim pertukaran tetap ringgit dengan apungan secara terurus, Perdana Menteri berkata langkah itu pastinya merangsang semua sektor ekonomi Malaysia.

Pada 1 Sept, 1998, Malaysia menambat ringgit pada 3.80 bagi setiap dolar AS bagi membanteras serangan manipulasi ke atas mata wang tempatan itu semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1997-98.

"Kita akan lebih bersedia untuk menghadapi krisis yang serupa," kata Abdullah yang juga Menteri Kewangan.

Bagi masyarakat Malaysia di Afrika Selatan, (hanya seramai 200 orang), lawatan Abdullah mendekatkan mereka dengan tanah air mereka.

Di kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Yahaya Abdul Jabar, kemesraan Abdullah menambat hati masyarakat Malaysia di Afrika Selatan, sebahagian daripadanya pelajar, yang ingin mengabadikan saat-saat manis itu dengan mengambil gambar Perdana Menteri serta gambar individu dan berkumpul bersama Abdullah yang pernah mengunjungi Afrika Selatan semasa memegang jawatan Menteri Luar dan Timbalan Perdana Menteri.

Untuk menunjukkan rasa kasih mereka kepada Abdullah, makanan Malaysia

yang dimasak khusus oleh isteri pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sini, bukan makanan yang dipesan dari mana-mana hotel, telah dihidangkan kepada Perdana Menteri dan para perwakilan Malaysia yang sudah mula merindui makanan Malaysia. -- BERNAMA  
SS SD KY